



NORLIDAH dipakaikan kalung darjah SPDK oleh Juhar (dua dari kanan) sambil diperhatikan oleh Musa (kanan) dan Sukarti (kiri).



JUHAR (kanan) menyarungkan selempang darjah PGDK kepada Harun (kiri).



KADIR (kiri) dianugerahkan gelaran Datuk menjadi kebanggaan warga UiTM Cawangan Sabah secara keseluruhannya.



JOACHIM (kanan) turut menerima gelaran Datuk daripada Juhar (kanan).

Norlidah terima Darjah SPDK

UB 07.10.2012 A7

KOTA KINABALU: Isteri Yang Dipertua Negeri Sabah, Toh Puan Norlidah RM Jasni dikurniakan darjah kebesaran tertinggi negeri Sabah, Seri Panglima Darjah Kinabalu (SPDK) yang membawagelaranDatuk Seri Panglima sempena Harijadi Rasmi TYT ke-59.

Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah dan Bintang-Bintang serta Pingat-Pingat Negeri Sabah berlangsung di Dewan Istiadat Istana Negeri, pagi kelmarin. Dalam majlis itu, Ahli

Dewan Undangan Negeri (Adun) Kundasang, Datuk Dr Joachim Gunsalam mendahului senarai 20 orang penerima darjah kebesaran Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK) yang membawa gelaran Datuk.

Darjah itu juga dianugerahkan kepada Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Datuk Prof Mohd Harun Abdullah dan Rektor UiTM Cawangan Sabah, Dr Abdul Kadir Rosline. Turut menerima, Pengarah Kesihatan Negeri Sabah, Datuk

Dr Mohd Yusof Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Industri, Datuk Hashim Pajjan; dan Pengarah Tenaga Kerja Sabah, Datuk Siti Aisah Haji Mohd Asry.

Dua orang penerima sebagai Jaksa Pendamai (JP) iaitu Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, Datuk Abidin Madingkir dan Lee Pong Choi.

Manakala sembilan orang lagi dikurniakan Ahli Setia Darjah Kinabalu (ASDK) terdiri daripada Dr Lideh Sallun @ liddy, Julia Willie Jock, Lucy

Liskin Batak, Lee Pao Lok, Peter Fung Kiam Fui, Kalasa @ Alaska Sahat, Rizal Othman, Kenneth Boon dan Mohamad Sulaiman.

Turut disenaraikan sebagai penerima bintang keempat tertinggi Ahli Darjah Kinabalu (ADK) ialah Ketua Polis Daerah Tawau, ACP Ibrahim Chin, Pegawai Pemerintah BN 17 PGA Lahad Datu, Supt Ahmad Fuad Othman, Pegawai Penerangan Bahagian Tawau, Dr Arby Cole dan Penerbit Rancangan di RTM Sabah, Roszlan Hussain.

Penerima lain ialah Kol (Dr) Adnan Abdullah, Mejar (JTM) Ahmad nazir Ibrahim, Wong Teck cheung, Umi Kalsom Seti, Ronald Paulus Masigi, Serin @ Hasrin Awang, Mohd Amin Kan Abdullah, Seztu Wing Yee dan Kapt Abd Hamid Ali.

Turut hadir Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman dan isteri Datin Seri Faridah Tusin, menteri-menteri Kabinet serta isteri masing-masing dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Sukarti Wakiman.



ABIDIN (kanan) menerima skrol watakah pelantikan sebagai Jaksa Pendamai.



HASHIM (kiri) dikurniakan gelaran Datuk sempena Harijadi Rasmi TYT ke-59 oleh Juhar (kiri).



AISAH (kanan) bersalaman dengan Juhar sebaik menerima darjah PGDK.



ROSZLAN dipakaikan lencana ADK oleh Juhar (kanan).



ARBY (kiri) juga menerima lencana ADK daripada Juhar.



JUHAR memakaikan lencana ADK kepada Ibrahim (kanan) yang menerima darjah ADK.



YUSOF (kiri) disarungkan selempang darjah PGDK juga membawa gelaran Datuk.